

Nama: _____ Kelas : _____

SULIT
Bahasa Melayu
Kertas 1
Set 4/2004
1 Jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH
PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2004

BAHASA MELAYU
Ujian Pemahaman
Satu jam

Arahan Am:

1. Kertas soalan ini mengandungi 50 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.
4. Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan kemudian bulatkan pilihan anda yang baru.

Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca surat kiriman di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kelab Pencinta Alam,
Sekolah Kebangsaan Parit Raja,
86400 Batu Pahat.

Pengurus,
Syarikat Nurseri Subur,
12, Jalan Tembusu,
86400 Batu Pahat,
Johor Darul Takzim.

16 JULAI 2004.

Tuan,
Ucapan Penghargaan dan Terima Kasih

Saya bagi pihak Kelab Pencinta Alam sekolah ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak tuan atas sumbangan yang diberikan bagi menjayakan Program Gotong-royong dan Keceriaan di sekolah kami baru-baru ini.

2. Kami turut **berbesar hati** atas kesudian tuan merasmikan taman sains sekolah kami yang kini diberi nama "Taman Wawasan Setia Budi" pada hari tersebut. Sumbangan pihak tuan banyak gunanya kepada kami khususnya dalam usaha membina dan memelihara landskap taman sains. Pihak kami sentiasa mengalu-alukan sumbangan yang berterusan daripada pihak tuan bagi menambah keceriaan sekolah ini.

3. Untuk makluman pihak tuan, sekolah kami telah berjaya menjadi johan Pertandingan Keceriaan Peringkat Daerah Batu Pahat. Berita gembira ini telah disampaikan oleh Tuan Pegawai Pendidikan Daerah Batu Pahat kira-kira seminggu yang lalu. Kejayaan ini membuktikan bahawa penglibatan semua pihak amat penting dalam menjayakan sesuatu program. Saya percaya bahawa kerjasama yang baik seperti ini akan dapat meningkatkan kecemerlangan sekolah ini dalam pelbagai bidang.

4. Bersama-sama dengan ini disertakan sijil penghargaan sebagai tanda terima kasih yang tidak terhingga daripada pihak sekolah atas sumbangan yang tuan berikan.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

(HARYATI BINTI BUDIMAN)
Setiausaha Kelab Pencinta Alam,
Sekolah Kebangsaan Parit Raja.

1. Siapakah yang merasmikan taman sains Sekolah Kebangsaan Parit Raja?
 - A. Pengurus Syarikat Nurseri Subur
 - B. Pengawai Pendidikan Daerah Batu Pahat
 - C. Guru Besar Sekolah Kebangsaan Parit Raja
 - D. Setiausaha Kelab Pencinta Alam

2. Pada pendapat anda, apakah jenis sumbangan yang mungkin diberikan oleh Syarikat Nurseri Subur?
 - A. alat-alat sukan
 - B. peralatan komputer
 - C. barangan makanan
 - D. anak-anak pokok

3. Rangkai kata **berbesar hati** dalam petikan bermaksud...
 - A. berbangga.
 - B. bertuah.
 - C. berharga.
 - D. bersyukur.

4. Bilakah agaknya penulis mengetahui berita kemenangan sekolahnya dalam Pertandingan Keceriaan Peringkat Daerah Batu Pahat?
 - A. 16 Julai 2004
 - B. 9 Ogos 2004
 - C. 9 Julai 2004
 - D. 21 Julai 2004

5. Pernyataan yang berikut benar tentang petikan, **kecuali**...
 - A. sekolah penulis telah menjalankan program Program Gotong-royong dan Keceriaan baru-baru ini.
 - B. penulis mengharapkan sumbangan yang berterusan daripada pihak Syarikat Nurseri Subur.
 - C. surat ini ditulis oleh Setiausaha Kelab Pencinta Alam, Sekolah Kebangsaan Parit Raja.
 - D. Syarikat Nurseri Subur menerima sijil penghargaan atas kejayaannya membina taman sains.

Soalan 6 hingga Soalan 10

Baca puisi di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pergi ke bendang membawa raga,
Raga dijunjung atas kepala;
Sejak kecil kita dijaga,
Diasuh dibelai sepanjang masa.

Ke kedai sana membeli sawa,
Sawa diperam tiada biji;
Berhempas pulas, menyabung nyawa,
Kepuk di dapur tidak terisi.

Kaki terhencot tercucuk tulang,
Lawatlah orang berduyun-duyun;
Biarpun malam mata disekang,
Tangisnya anak, buaian dihayun.

Hidup bertani di tengah sawah,
Biarpun panas membanting juga;
Hidupnya anak bermewah-mewah,
Hanyut dalam modennya dunia.

Ikan keli sedap isinya,
Dimakan adik tidak terkira;
Walaupun kini sudah berjaya,
Jasa orang tua telah dilupa.

Kayanya ia tidak terbilang,
Berkat hasil titik peluhnya;
Ayah dan ibu berwajah walang,
Kenangkan jasa telah dipersia.

6. Puisi di atas menerangkan tentang...
- A. pengorbanan anak.
 - B. pengorbanan ibu bapa.
 - C. kehidupan petani.
 - D. jasa yang sentiasa dikenang.
7. Apakah yang dimaksudkan dengan **kepuk di dapur tidak terisi**?
- A. Dapur tidak dapat diisikan kepuk.
 - B. Beras sudah habis untuk dimasak.
 - C. Tiada lauk untuk dimakan.
 - D. Dapur sudah terlalu usang.

8. Kesedihan ayah dan ibu digambarkan melalui rangkai kata...
- A. Ayah dan ibu berwajah walang.
 - B. Tangisnya anak, buaian dihayun.
 - C. Hidupnya anak bermewah-mewah.
 - D. Kenangkan jasa telah dipersia
9. Sifat anak dalam puisi di atas boleh digambarkan sebagai seorang yang ..
- A. bertanggungjawab.
 - B. hidup mewah.
 - C. lupa daratan.
 - D. berhati batu.
10. Mengapakah kita tidak sepatutnya melupakan kedua-dua ibu bapa kita?
- A. Mereka telah tua.
 - B. Mereka tidak bekerja.
 - C. Mereka telah berjasa.
 - D. Mereka kurang pendapatan.

Soalan 11 hingga Soalan 15

Baca perbualan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jamilah : Mengapa rupa kamu macam ayam berak kapur? Kamu sakitkah, Ayu?

Ayu : Selepas makan nasi lemak di kantin tadi, perut saya rasa sakitlah. Aduh, kepala pula rasa sungguh pening!

Jamilah : Jangan-jangan kamu sudah keracunan makanan. Baik kamu pergi berjumpa dengan doktor sekarang.

Ayu : Yalah. Saya pun fikir begitu juga. Mari temani saya ke klinik.

Selepas mendapatkan rawatan doktor di klinik.

Ayu : Huh, lega rasanya perut saya sekarang. Ubat yang diberikan oleh doktor sungguh berkesan.

Jamilah : Baguslah, kalau kamu sudah sembuh. Lain kali kamu mesti berhati-hati. Sebelum membeli makanan, periksa dulu kebersihan gerai serta makanan tersebut. Elakkan makan makanan yang sudah basi atau dihinggapi lalat.

Ayu : Betul kata kamu, Jamilah. Lain kali saya mesti berhati-hati. Kejadian ini membawa pengajaran yang besar kepada saya. Bak kata orang, sekali tersengat, selalu beringat.

Jamilah : Ayu, perut saya rasa laparlah. Mari kita makan di gerai tomyam itu.

Ayu : Ah, saya tak mahulah! Lihatlah keadaan gerai itu. Sungguh kotor dan menjijikkan. Baru sebentar tadi kamu menasihati saya supaya berhati-hati sebelum membeli makanan. Kamu ini tak ubah seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul. Eh, mengapa kamu tersenyum pula?

Jamilah : Sebenarnya, saya sengaja nak menduga kamu. Baguslah kalau kamu sudah benar-benar sedar sekarang.

11. Bagaimanakah keadaan Ayu ketika ditegur oleh rakannya, Jamilah?

- A naik angin
- B letih lesu
- C muram durja
- D mati akal

12. Jamilah membuat andaian bahawa Nisda keracunan makanan berdasarkan...

- A keadaan fizikal Ayu.
- B pengalamannya mendapat penyakit berkenaan.
- C gejala penyakit yang dialami oleh Ayu.
- D pemeriksaan yang dilakukannya terhadap Ayu.

13. Peribahasa manakah yang menggambarkan sikap Ayu selepas mengalami kejadian tersebut?

- A sudah jatuh ditimpa tangga
- B sudah gaharu cendana pula
- C sudah terantuk baru tengadah
- D belum duduk sudah berlunjur

14. Antara yang berikut, keadaan manakah yang membuktikan bahawa Ayu telah benar-benar mengambil berat terhadap kebersihan makanan?

- A mengajak Jamilah menemaninya ke klinik
- B mendapatkan rawatan yang berkesan
- C memberitahu Jamilah tentang penyakit yang dialaminya
- D menolak ajakan Jamilah untuk makan di gerai tomyam itu

15. Orang yang seperti ketam mengajar anaknya *berjalan betul* merupakan orang yang...

- A menyuruh orang lain berbuat baik kerana dia seorang yang bertanggungjawab.
- B meminta orang lain menuruti kemahuannya kerana dia amat mementingkan diri sendiri
- C mendesak orang lain mengikut jejaknya kerana dia suka berbangga diri
- D menyuruh orang lain berbuat baik tetapi dia sendiri tidak betul

Soalan 16 hingga Soalan 20

Baca rencana di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

La Nina merupakan salah satu daripada fenomena alam. Perkataan ini diambil daripada bahasa Sepanyol yang mempunyai maksud tertentu.

Semasa negara dilanda jerebu dan cuaca panas, keadaan ini dikaitkan dengan fenomena El Nino. Sekarang ini negara akan menghadapi fenomena La Nina yang dikaitkan dengan fenomena cuaca buruk seperti hujan lebat, ombak besar dan ribut.

Antara kesan La Nina ialah banjir besar sebagai akibat hujan lebat yang mengakibatkan kemusnahan terhadap harta benda dan nyawa. Kerajaan telah menjalankan kempen-kempen kesedaran kepada orang ramai supaya bersiap sedia menghadapi fenomena ini serta usaha membersihkan sistem perparitan agar banjir yang teruk tidak berlaku.

Orang ramai perlulah mendengar nasihat daripada pihak berkuasa supaya tidak berlaku sebarang perkara yang tidak diingini. Yang penting sekali, mereka harus mempersiapkan apa-apa yang perlu dan mematuhi segala arahan yang dikeluarkan agar diri dan keluarga terselamat.

Orang ramai boleh memberikan kerjasama untuk mengelakkan kemusnahan harta benda dan nyawa akibat fenomena ini. Antaranya ialah dengan memastikan sistem perparitan di kawasan rumah dalam keadaan memuaskan. Nelayan-nelayan dinasihati tidak turun ke laut ketika hujan lebat ataupun ketika angin kuat.

Semua pihak perlu bersiap sedia untuk menghadapi fenomena yang akan melanda negara kita ini.

16. Fenomena El Nino adalah dikaitkan dengan...

- A. jerebu dan kemarau.
- B. cuaca buruk dan hujan lebat.
- C. musim tengkujuh.
- D. perubahan cuaca dan suhu.

17. Apakah kesan daripada fenomena La Nina?
- A. hujan lebat, ombak besar dan ribut
 - B. angin akan bertiup kencang
 - C. sistem perparitan akan tersumbat
 - D. kemusnahan harta benda dan nyawa
18. Apakah usaha-usaha orang ramai untuk membantu kerajaan mengatasi masalah La Nina?
- A. berpindah apabila rumah dilanda banjir
 - B. bersiap sedia untuk menghadapi La Nina
 - C. membersihkan parit dan longkang di kawasan rumah
 - D. mematuhi segala arahan yang dikeluarkan
19. Mengapakah nelayan-nelayan dinasihati tidak turun ke laut apabila hujan lebat dan angin kencang?
- A. perahu mereka akan dimasuki air
 - B. mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini
 - C. hasil tangkapan akan berkurangan
 - D. jerebu dan cuaca panas menyukarkan mereka menangkap ikan
20. Yang berikut ialah usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan sebagai persediaan menghadapi La Nina, **kecuali...**
- A. menjalankan kempen-kempen kesedaran
 - B. membersihkan longkang di rumah penduduk
 - C. mempersiapkan keperluan untuk menghadapi La Nina
 - D. memberikan nasihat dan arahan kepada orang ramai

Soalan 21 hingga Soalan 31

Pilih jawapan yang **paling sesuai** untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

21. Lembaga Pengarah syarikat telah bersetuju untuk _____ barisan pengurusan syarikat dengan memperkenalkan beberapa muka baru.
- A. mengubah
 - B. menukar
 - C. menggubah
 - D. merombak

22. Pokok-pokok besar itu _____ apabila ditiup angin kencang.
- A bergoyang
 - B bergegar
 - C bergetar
 - D bergoncang
23. Sedikit demi sedikit air di dalam lopak itu _____ ke dalam tanah.
- A resapan
 - B meresapi
 - C meresapkan
 - D meresap
24. Encik Ghani menghentikan _____ akhbar dan majalah itu kerana tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.
- A melanggan
 - B dilanggan
 - C langganan
 - D berlanggan
25. "Kamu tidak boleh menyangka yang _____," kata Hamid kepada Murugan.
- A entah-entah
 - B jangan-jangan
 - C bukan-bukan
 - D kalau-kalau
26. Ibu memarahi Kak Intan kerana berpakaian _____ ketika menghadiri sesi temu duga itu.
- A lintang-pukang
 - B porak-peranda
 - C haru-biru
 - D serbah-serbih
27. _____ ditegur _____ menjadi-jadi pula perangai Hamsani yang suka ponteng sekolah.
- A Sungguhpun...namun
 - B Makin...makin
 - C Jangankan...pun
 - D Bukan saja...tetapi juga

28. Beribu-ribu _____ kenderaan terperangkap dalam kesesakan yang teruk kerana beberapa _____ jalan di ibu kota telah dinaiki air.
- A bentuk...bilah
 - B biji...deret
 - C butir...buah
 - D buah...batang
29. Se _____ pistol dan sepuluh _____ peluru ditemukan di atas siling rumah berkenaan.
- A buah....bentuk
 - B pucuk...butir
 - C das...gugus
 - D pasang...biji
30. "Bukankah sudah _____ katakan jangan percaya akan kata-katanya. Tetapi, _____ degil juga," kata Ainal kepada Chok Meng.
- A kami...kamu
 - B awak...kita
 - C kita...kalian
 - D saya...kamu
31. Saleha dan adik _____ berasa amat bimbang. Hari sudah malam tetapi ibu bapa _____ masih belum pulang
- A nya...dia
 - B dia...kami
 - C mereka...ia
 - D nya...mereka

Soalan 32 dan Soalan 33

*Pilih perkataan **seerti** bagi perkataan yang **bergaris**.*

32. Perasaan Masri tersinggung apabila mendengar kata-kata sindiran itu.
- A terkejut
 - B terpaut
 - C tersentuh
 - D terkenang

33. Aminah menjenguk keluar tingkap tatkala mendengar suara orang memberikan salam.
- A menghulur
 - B menjolok
 - C mendongak
 - D menjengah

Soalan 34 hingga Soalan 36

Pilih peribahasa yang paling sesuai sebagai jawapan kepada ayat yang bergaris.

34. Kedudukan Encik Musa sebagai pengurus syarikat itu tergugat kerana projek yang dikendalikannya mengalami kerugian berjuta-juta ringgit.
- A seperti abu di atas tunggul
 - B seperti api dalam sekam
 - C seperti bertih direndang
 - D seperti rumput di tepi jalan
35. Oleh sebab sering menghabiskan masa membaca komik, Pandithan langsung tidak tahu tentang hal ehwal semasa.
- A seperti kera mendapat bunga
 - B seperti kerbau dicucuk hidung
 - C seperti katak di bawah tempurung
 - D seperti pahat dengan penukul
36. Keuntungan berniaga di bazar Ramadan itu dibahagikan sama rata antara Kamal dengan rakan-rakan kongsinya.
- A hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
 - B hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
 - C buang yang keruh ambil yang jernih
 - D diam-diam ubi berisi, diam besi berkarat

Soalan 37 dan Soalan 38

Pilih ayat yang paling sesuai sebagai jawapan kepada soalan yang bergaris.

37. Lama lagikah kursus yang sedang kamu ambil ini?
- A Kursus ini telah bermula sejak bulan Januari yang lalu.
 - B Kursus ini banyak memberikan manfaat kepada golongan belia.
 - C Kursus ini akan berlanjutan sehingga hujung tahun.
 - D Kursus ini terbuka kepada pelajar lepasan sekolah menengah.

38 Mengapa kamu tidak bertegur sapa dengannya?

- A Saya minta maaf kerana tidak menegurnya.
- B Saya akan memaafkannya jika dia menegur saya.
- C Saya tidak menegurnya kerana dia tidak mahu memohon maaf.*
- D Saya menegurnya kerana mahu memohon maaf.

Soalan 39 dan Soalan 40

Pilih ayat yang paling sesuai sebagai soalan kepada jawapan yang bergaris.

39. Pada mulanya, saya berasa sedih tetapi lama-kelamaan perasaan sedih itu hilang.

- A Bagaimanakah bermulanya perasaan itu dalam diri kamu?
- B Bagaimanakah kamu dapat mengatasi perasaan sedih itu?
- C Bagaimanakah keadaan kamu apabila mula berasa sedih?
- D Bagaimanakah perasaan kamu apabila berpisah dengan keluarga?

40. Saya bimbang kerana hari telah lewat petang tetapi adik saya masih belum pulang.

- A Apakah perasaan kamu jika jam tangan kamu itu dicuri orang?
- B Betulkah kamu asyik melihat jam di tangan kamu?
- C Di manakah kamu menyimpan jam tangan kamu?
- D Mengapakah kamu asyik melihat jam di tangan kamu?

Soalan 41 hingga Soalan 43

Pilih ayat yang sama maksudnya dengan ayat yang bergaris.

41. "Beginilah cara melipat kain yang betul," kata Raihana kepada adiknya.

- A Raihana menyuruh adiknya melipat kain dengan betul.
- B Raihana mengeluh kerana adiknya tidak melipat kain dengan betul.
- C Raihana merayu adiknya agar melipat kain dengan betul.
- D Raihana menunjukkan cara melipat kain yang betul kepada adiknya.

42. "Eh, mustahil ikan-ikan ini mati! Malam tadi semuanya elok belaka," kata Kudin.

- A Kudin tidak percaya bahawa ikan-ikan itu mati kerana malam sebelumnya ikan-ikan itu elok belaka.
- B Kudin berasa sedih kerana ikan-ikan itu mati kerana malam tadi ikan-ikan itu elok belaka.
- C Kudin terkejut kerana mendapati ikan-ikan yang mati malam tadi elok belaka.
- D Kudin keliru apabila mendapati malam tadi ikan-ikan yang mati itu elok belaka.

43. “Kalau semuanya sudah bersedia, ayuh kita bertolak sekarang,” kata Zamri kepada rakan-rakannya.

- A Zamri bertanya kepada rakan-rakannya sama ada sudah bersedia atau tidak kerana dia mahu bertolak sekarang.
- B Zamri memeriksa persediaan yang dilakukan oleh rakan-rakannya yang mahu bertolak sekarang.
- C Zamri mengajak rakan-rakannya bertolak pada ketika itu jika semua rakannya sudah bersiap sedia.
- D Zamri memujuk rakan-rakannya supaya bertolak pada ketika itu kerana semuanya sudah bersedia.

Soalan 44 hingga Soalan 46

Pilih ayat yang menggunakan tanda baca dengan betul.

- 44. A “Muaz, bangun. Kalau kamu berlengah-lengah, kamu akan ketinggalan bas,” kata Puan Hasni kepada anak bongsunya itu.
B “Muaz bangun, kalau kamu berlengah-lengah kamu akan ketinggalan bas,” kata Puan Hasni kepada anak bongsunya itu.
C “Muaz, bangun kalau kamu berlengah-lengah, kamu akan ketinggalan bas,” kata Puan Hasni kepada anak bongsunya itu.
D “Muaz bangun! Kalau kamu berlengah-lengah, kamu akan ketinggalan bas,” kata Puan Hasni kepada anak bongsunya itu.

- 45. A “Siapa yang boleh menjawab soalan saya. Biawak tergolong dalam kelas apa?” tanya Cikgu Abidin kepada anak-anak muridnya.
B “Siapa yang boleh menjawab soalan saya! Biawak tergolong dalam kelas apa?” tanya Cikgu Abidin kepada anak-anak muridnya.
C “Siapa yang boleh menjawab soalan saya? Biawak tergolong dalam kelas apa,” tanya Cikgu Abidin kepada anak-anak muridnya.
D “Siapa yang boleh menjawab soalan saya? Biawak tergolong dalam kelas apa?” tanya Cikgu Abidin kepada anak-anak muridnya.

- 46. A “Cis berpantang maut sebelum ajal” teriak Hang Tuah.
B “Cis, berpantang maut sebelum ajal!” teriak Hang Tuah.
C “Cis berpantang maut, sebelum ajal!” teriak Hang Tuah.
D “Cis; berpantang maut sebelum ajal!” teriak Hang Tuah.

Soalan 47 dan dan Soalan 48

Pilih ayat-ayat yang menggunakan kata yang **bergaris** dengan betul.

47. I Kasman kembang hidung apabila dipuji oleh Cikgu Zaini.
II Abang kembang perut kerana tidak makan apa-apa sejak pagi tadi.
III Saya tertarik melihat bunga-bunga yang sedang kembang itu.
IV Biskut itu mudah kembang jika direndam di dalam air.
- A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, III, dan IV sahaja
D II, III, dan IV sahaja
48. I Rahimah disayangi oleh guru-gurunya kerana dia otak cair.
II Pesakit yang menghidap barah otak itu telah meninggal dunia.
III Otak merupakan sejenis makanan yang dibuat daripada ikan.
IV Hanya orang yang sakit otak saja yang sanggup melakukan perbuatan itu.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II, dan III sahaja
D I, II, dan IV sahaja

Soalan 49 dan dan Soalan 50

Pilih ayat-ayat yang betul.

49. I "Simpanlah barang kemas itu baik," pesan Encik Muthu kepada isterinya.
II Pandulah kenderaan dengan jimat agar kamu selamat sampai.
III Dahlia menangis kerana dituduh yang bukan-bukan.
IV Keadaan sungguh panas kerana kipas di dalam kelas itu rosak.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C III dan IV sahaja
D II, III, dan IV sahaja
50. I Ibu singgah di pasar untuk membeli seikat kangkung.
II Majalah humor ini saya meminjam daripada rakan saya, Badrul.
III Lauk-pauk yang dihidangkan itu pedas-pedas belaka.
IV. Perut saya memulas-mulas selepas minum air limau itu.

- A I dan III sahaja
- B I dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D I, II, III, dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT